

Tanpa perlu korbankan kebudayaan

Mahathir seru kaum Penan terima perubahan

UM 25 MEI 1991

Oleh
Rozaid Abdul Rahman

MIRI 24 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru kaum Penan supaya menerima perubahan dalam hidup mereka tanpa perlu mengorbankan kebudayaan yang mereka amalkan selama ini.

Perdana Menteri berkata, cara hidup moden tidak harus dipandang sebagai satu cara mengorbankan kebudayaan. (Gambar - gambar di muka 7).

Bercakap kepada para pemberita di sini hari ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas melawat Sarawak selama lima hari, Perdana Menteri menambah bahawa beliau telah menjelaskan kepada kaum Penan tentang usaha kerajaan untuk memajukan taraf hidup mereka.

"Saya telah jelaskan betapa mereka harus faham maksud dan peluang yang hendak kerajaan berikan kepada mereka."

"Kita tidak kata mereka perlu ubah cara hidup mereka te-

tapi mereka perlu menerima cara hidup yang lebih moden untuk kepentingan mereka sendiri," katanya.

Sambil membidas sikap beberapa kumpulan pencinta alam dari Barat yang mengkritik cara kerajaan mengendalikan kaum Penan Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak mahu kaum itu terus tinggal di hutan tanpa sebarang perubahan dalam kehidupan mereka.

Beliau menyoal jika dahulu orang putih tinggal di dalam gua mengapakah sekarang mereka mahukan sangat kaum Penan tinggal dalam hutan dengan cara hidup lama.

Katanya lagi, jika demokrasi benar-benar hendak dijalankan inilah tempat yang betul diberi demokrasi iaitu memberi cara hidup baru dan

mengubah kehidupan mereka (kaum Penan).

"Kita kena dedahkan kegiatan mereka yang ingin campurtangan dalam soal negara kita umpamanya Bruno Manser yang masuk ke sini satu ketika dahulu dan kononnya berjuang untuk kepentingan kaum Penan kini telah menggunakan pengalamannya itu untuk mencari wang di Eropah.

"Bruno Manser sekarang telah hidup senang lenang di Switzerland dan dia tinggal dengan kaum Penan semata-mata menjadikan mereka kajian bahan antropologinya di mana dia sekarang dibayar duit yang banyak kerana usahanya itu," kata Perdana Menteri.

Malangnya menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, cakap-cakap

bohongnya mengenai kaum Penan disanjung oleh sesetengah orang di sini dan juga oleh media antarabangsa sedangkan dia menjadikan kaum Penan sebagai modal untuknya mencari wang.

Menurut beliau, kerajaan akan menjadikan kawasan Gua Mulu di mana kaum Penan banyak tinggal di kawasan persekitarannya sebagai destinasi pelancongan yang baru.

"Kita mahukan kaum Penan turut serta dalam industri yang akan mengubah nasib mereka," ujaninya.

Beliau berkata, salah satu tempat yang menarik perhatiannya sepanjang lima hari lawatannya ke sini ialah Gua Mulu yang merupakan gua yang teristimewa dan terbesar di dunia.

Sambil menyifatkan Gua Mulu berpotensi sebagai pusat tarikan pelancongar, Dato' Sri Dr. Mahathir menambah kerajaan akan membina sebuah lapangan terbang di Mulu yang dijangka siap pertengahan tahun depan.

Katanya, mungkin akan ada pencinta alam sekitar yang menentang usaha untuk menjadikan Gua Mulu sebagai pusat pelancongan.

"Mereka akan kata gua itu patut dikekalkan dalam keadaan semulajadinya... jika begini pendirian mereka ia amatlah tidak demokratik kerana kita mahukan semua orang menikmati keindahan gua tersebut dan supaya dunia dapat melihat bahawa di negara kita terdapat sebuah gua yang begitu asli dan cantik serta terbesar di dunia," menurut beliau.

Katanya, Malaysia bukanlah sebuah negara yang kaya yang boleh meniru Gua Mulu untuk dijadikan 'Disneyland' tetapi keadaan yang ada seribu kali ganda lebih baik dari 'Dunia Disney'.

Positif

Beliau berharap kumpulan seperti ini memandang usaha kerajaan itu secara positif.

Semalam Dato' Sri Dr. Mahathir dan isterinya Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah tiba di Taman Negara Mulu pada jam 5.00 petang dengan helikopter untuk bertemu dengan kaum Penan dan kaum Berawan serta melawat taman negara tersebut.

Setibanya di sana beliau telah disambut oleh pemimpin-pemimpin kaum Penan di mana Perdana Menteri telah dihadiahkan sebuah alat muzik tradisional kaum tersebut.

Pada sebelah malamnya beliau telah bertemu dengan kaum Penan dan Berawan dan menikmati persembahan kebudayaan kedua-dua kaum tersebut.

Masyarakat Berawan telah menghadihkannya sebatang sumpit manakala isteri Perdana Menteri telah dihadiahkan sebuah tudung kepala yang merupakan topi kaum asli itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang diiringi oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Taib Mahmud kemudiannya memberi ucapan ringkas kepada kaum Penan.